

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK**

PENEMPATAN GURU BAHARU DI SARAWAK

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS) mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan atas keprihatinan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana telah menempatkan seramai 1,108 orang guru baharu di Sarawak terdiri daripada siswazah keluaran universiti awam dan swasta. Daripada jumlah tersebut, seramai 422 orang guru ditempatkan di sekolah rendah, manakala 686 orang guru di sekolah menengah berkuat kuasa pada 28 Disember 2023.

JPNS turut menyatakan penghargaan atas sokongan Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat, Sarawak (MEITD) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Cawangan Sarawak (SPP) dalam membantu mengatasi masalah kekurangan guru di Sarawak.

JPNS akan sentiasa bekerjasama erat dengan pihak KPM, SPP dan semua pemegang taruh Pendidikan dari semasa ke semasa bagi memastikan isu kekurangan guru di Sarawak dapat diatasi.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK
23 DISEMBER 2023**